

# Peraturan dan syarat bertanding perlu diubahsuai **Silat Olahraga: Baiki segera kelemahan**

Sungguhpun Kejuaraan Silat Olahraga Kebangsaan Kedua pada 26 hingga 28 Disember, 1985 di Johor Bahru agak lama berlalu namun hingga ke hari ini masih terdengar suara-suara sumbang yang belum reda mengkritik kejuaraan itu daripada pelbagai sudut terutamanya di aspek penyelenggaraan dan teknik pertandingannya. **PENCAR SILAT**

Dan yang menjadi sasaran utama kritikan itu ialah Jawatankuasa Kerja Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia. Tetapi kedua-dua badan ini, nampaknya, lebih selesa mengambil sikap 'tutup mulut' terhadap kritikan yang mungkin dianggap sebagai tidak berasas itu.

27 APR 1986  
Tetapi penulis walaupun terbahit secara akademik saja dalam dunia persilatan Melayu, merasa turut bertanggungjawab untuk memberikan sedikit pandangan dalam persoalan Kejuaraan Silat olahraga Kebangsaan, semoga silat olahraga tidak akan menjadi 'silat berlaga' dan PESAKA tidak akan benar-benar menjadi 'pusaka'.

Sudah menjadi adat dalam apa jua pertandingan, pasti ada yang menang dan ada yang kalah. Sehubungan itu, pastilah pula disusuli dengan kritikan-kritikan sama ada yang bersifat positif ataupun negatif oleh pelbagai pihak. Ini memang difahami. Tetapi apa yang selalu menjadi tanda tanya ialah tentang keobjektifan dan keikhlasan kritikan yang diluahkan itu. Apakah kritikan itu berlandaskan kepada sebarang justifikasi atau hanya dipengaruhi perasaan hampa? **B. Minggu (M)**

Malangnya dalam usaha penulis turut mempersoalkan kritikan terhadap kejuaraan Silat Olahraga Kedua ini, penulis juga terpaksa membuat penilaian yang rapuh kerana ia berdasarkan kepada kritikan yang terpapar di akhbar-akhbar dan komentar-komentar individu yang telah terbahit secara langsung dalam kejuaraan.

Ini kerana ketika kejuaraan itu berlangsung, penulis sedang berada di Payakumbuh, Sumatra Barat, menyertai Festival Seni Silat Tradisional. Sungguhpun begitu, dalam Kejuaraan Silat Olahraga Pertama pada 1984 di Kuala Lumpur dulu, penulis telah berkesempatan bertugas sebagai pengurus pasukan Silat Negeri Kelantan. Dan kritikan yang ditimbulkan terhadap kejuaraannya pertama itu, pada pendapat penulis adalah hampir-hampir sama isinya dengan kritikan-kritikan terhadap kejuaraan yang baru berlangsung.

## Keputusan

Perkara yang paling dasar dipertikaikan ialah keputusan pertandingan. Ada setengah-setengah pasukan tidak mahu mengakui kekalahan pesilatnya di dalam pertandingan itu semata-mata berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh 'pakar-pakar' daripada pasukannya sendiri, bukan kepada penilaian yang diputuskan oleh wasit dan juri pertandingan.



Oleh  
**TITIS, IBKMM, UKM**

Sebagai ahli sukan sepatutnya kita harus menerima keputusan pengadil dengan penuh semangat kesukanan. Sebarang bantahan yang mungkin timbul hendaklah disusuli melalui saluran tertentu. Bagaimanapun, bantahan terhadap sebarang keputusan pertandingan kalau boleh patut dielakkan daripada terjadi. Justeru itu, wasit dan juri harus lebih waspada dan cekap ketika melaksanakan tugas.

Andainya terasa belum layak atau yakin untuk menjadi wasit atau juri, ia harus jujur menolak perantukan wasit dan juri itu demi kepentingan dan masa depan silat olahraga.

Seseorang wasit atau pun juri harus sedar bahawa dipertandingan peringkat kebangsaan bukannya tempat atau pun masa untuk berlatih dan mencari pengalaman sebagai wasit atau juri. Pihak penganjur juga harus insaf tentang hakikat ini kerana yang menjadi sasaran dalam pertandingan silat olahraga ialah manusia itu sendiri; bukan seperti dalam pertandingan bola sepak yang menjadi sasarannya ialah bola. Oleh itu, sikap kesungguhan dan ketelitian dalam pengelolaan pertandingan silat olahraga harus diutamakan.

Sekiranya belum cukup kemampuan dan pengalaman yang meyakinkan untuk mengelolakan sesuatu pertandingan, ada baiknya ia ditangguhkan dulu. Sementara itu, strategi dan persiapan hendaklah diatur dengan cermat ke arahnya.

Di antara strategi yang harus dilakukan sebelum sebarang pertandingan kejuaraan kebangsaan diadakan ialah mengadakan penerangan dan ceramah ke seluruh negara iaitu di paras 'grass-root', supaya lebih ramai peminat seni silat dapat memahami apa itu silat olahraga sebenarnya dan seterusnya akan dapat menghayati sesuatu pertandingan silat olahraga dengan lebih saksama.

Akibat masih ramai di antara mereka yang menyertai pertandingan itu keliru dalam tanggapan mereka mengenai konsep dan peraturan pertandingan silat olahraga maka mudah tercetus masalah salah faham. Curiga-mencurigai dan tuduh menuduh mengenai sesuatu keputusan pertandingan.

PESAKA sendiri baru ditubuh pada bulan Ogos 1983 dan sehingga sekarang belum dapat didaftarkan secara sah dengan kerajaan. Tetapi dalam tempoh